

Kesukarelawan kegiatan murni

KOTA KINABALU: Usaha untuk membudayakan kegiatan kesukarelawan perlu didedahkan seawalnya di kalangan pelajar sekolah rendah melalui kegiatan dan penyer-taan ko-kurikulum.

“Kesukarelawan adalah satu pengisian kejiwaan yang perlu ada di kalangan golongan belia Malaysia hari ini,” kata Ketua Menteri Datuk Musa Aman di Majlis Makan Malam Perasmian Seminar Kebangsaan Belia anjuran bersama Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Jabatan Biro Tata Negara.

Teks ucapan beliau disampaikan oleh Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Joseph Kurup.

Menurutnya, kesukarela-wanan memberikan sumban-gan ekonomi yang amat pent-ing kepada masyarakat dan amat berkesan di beberapa buah negara seperti Eropah dan Korea Selatan.

“Sebagai satu kegiatan yang murni dan mendatangkan man-faat, kesukarelawan memberi impak yang positif kepada pem-bangunan pemerintahan bagi melahirkan rakyat yang berhati mulia, harmoni dan bersatu padu serta sedia berkorban bukan sahaja harta dan tenaga malah nyawa,” katanya.

Beliau berkata, kesukarela-wanan diakui berupaya meng-integrasikan rakyat yang ter-pinggir selain memberikan pengembangan diri kepada golongan belia seperti kemah-i-ran berkomunikasi dan bertin-dak menangani masalah.

Menurut beliau, kegiatan sihat ini juga mempunyai kesan

yang mendalam kepada keperi-badian, personaliti, jati diri, nilai dan kepercayaan serta motivasi individu.

Musa juga menekankan bahawa untuk mencapai se-mangat kesukarelawan, per-

paduan sesama kaum harus dititikberatkan. Penyertaan kaum yang tidak seimbang di dalam lapangan angkatan bersenjata haruslah dikaji dan diberi perhatian yang serius. –
Oleh Mariyati Mursidi

UMMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH